

1. Terutama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t atas nikmat yang telah diberikan kepada kita semua. Alhamdulillah.
2. Masih tidak terlambat untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baru 2018 kepada semua staf Politeknik Banting Selangor dan saya berharap tahun ini akan lebih 'Ong' daripada tahun sebelumnya. Memandangkan juga, Malaysia akan meraikan Tahun Baru Cina, saya juga ingin mengucapkan Gong Xi Fa Cai kepada yang menyambutnya. May this year bring us good health, wealth and prosperity all year round. InshaALLAH.

KEJAYAAN PBS

3. Tahun 2017 merupakan tahun yang banyak memberi cabaran kepada kita semua dalam mencapai sasaran kita. Walaubagaimanapun, I always keep my head up high and strive towards greatness in this troubling times. With this I am proud to announce our success in 2018.

1. Pertama sekali, saya ucapkan tahniah kepada semua warga PBS yang telah bertungkus lumus untuk memastikan PBS mendapat pengiktirafan ISO 9001: 2015 pada 23 Mac 2018 yang lalu dan suka juga untuk saya mengucapkan Tahniah untuk kali kedua

kepada semua warga PBS kerana kita telah diaudit sekali lagi dan sijil ISO 9001:2015 telah berjaya kita miliki untuk kali kedua tanpa sebarang NCR. Alhamdulillah dan syukur saya panjatkan kepadaNYA. Semoga usaha ini akan berterusan untuk kejayaan PBS di masa akan datang.

Kejayaan demi kejayaan mendatang kepada PBS untuk tahun 2017 dan disini saya akan mengumumkan kejayaan kita satu persatu.

Diantara kejayaan kita adalah:

- 1.PBS telah mencapai Tier 5 dalam POLYRATE iaitu sebanyak 88.29% untuk tahun 2017.

2. Team KIK telah memenangi Emas untuk inovasi mereka dalam T&L (Wee-B)

3. 2 Kemenangan di iCompEx 2017 iaitu memenangi Emas utk *V-BELT Learning Equipment* dan Perak untuk *Mounting Brake System Maintenance*.

4. Manakala kita memenangi beberapa kategori di AINS 2017 iaitu untuk

1. Prototype Category: kita mendapat tempat ke 4 untuk *Pineapple harvester*.

2. IPT Category : PBS memenangi tempat ke 4 juga untuk *Universal Spring Absorber Opener* dan *Automated Pineapple Slicing Machine*

3. Kita memenangi Gold untuk *Hand Drill Adapter*

4. Perak pula untuk *Lemang roaster* dan *Car valve seal adapter*.

5. Di ReSPEX 2017 pada 5 Oktober 2017, PBS sekali lagi memenangi Emas.

6. Dan sekali lagi Emas disambut oleh pihak PBS di *International Intellectual Exposition (MIIEX)* 2017 pada 8 Nov 2017

7. Selain daripada kejayaan dan kemenangan kita di bidang teknikal, PBS juga sentiasa mementingkan kemahiran generik yang membina kepada kesahsian pelajar yang holistik. Sekali lagi PBS memenangi

memenangi Best Reporter PoliTV-eDola 2017 untuk kategori Juri di PSA oleh pelajar cemerlang kita iaitu Parmila Segar.

4. Tahniah saya ucapkan kepada semua serta kepada pelajar-pelajar kita sendiri. Syabas!
KEEP IT UP! And Never Give UP!

MEDIA SOSIAL

5. Pada masa kini, kita mempunyai cabaran untuk menambat hati generasi z dan millenials. Untuk itu kita perlu mempergiatkan penggunaan media sosial bagi menarik minat mereka terhadap program yang ditawarkan. Ini untuk menyebarkan luas maklumat, perkembangan dan kejayaan TVET di politeknik dan kolej komuniti kepada khalayak

ramai dan *stakeholders*. Sehubungan itu, PBS juga perlu meningkatkan kemahiran dalam penggunaan media ini seperti *facebook*, *twitter* dan *instagram*. Dalam hal ini, saya mohon tuan-tuan dan puan-puan *like* dan *follow* platform media sosial pengurusan tinggi KPT, JPP dan Politeknik Banting. Ini akan meningkatkan ketampakan kita dalam ruang siber serta meningkatkan profil KPT, JPP dan PBS dalam kalangan generasi muda.

KE ARAH ATO DCAM PART 147

6. PBS sekarang ini sedang berusaha untuk kearah ATO DCAM Part 147 agar kita menjadi salah sebuah ATO yang memberikan latihan

yang diiktiraf selaras dengan standard yang ditetapkan DCA selain menjadi nilai tambah kelayakan yang diterima oleh pelajar disamping kelayakan akademik yang diterima. Kita juga ingin menjadi pusat peperiksaan yang bertauliah yang diiktiraf oleh pihak DCA yang merupakan salah satu keistimewaan yang diterima oleh ATO. Saya yakin dengan team di MRO, 2018 pasti akan lebih bersinar untuk PBS. InshaALLAH.

PENGANTARABANGSAAN

KEUSAHAWANAN

7. Keusahawanan merupakan program di mana setiap pelajar Politeknik Banting Selangor mendapat kemahiran penerapan budaya keusahawanan. Mereka ini perlu didedahkan dengan persekitaran yang sangat diperlukan dunia masa kini iaitu keusahawanan. Pelaksanaan program keusahawanan di Politeknik Banting Selangor bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan penglibatan semua pihak samada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Oleh itu, PBS sekarang ini ke arah meningkatkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar

Politeknik Banting Selangor. Semua pihak PBS perlu memainkan peranan penting bagi menjamin peningkatan budaya keusahawanan di kalangan pelajar kita.

KOLABORASI BERSAMA INSTITUSI DI THAILAND

Kolaborasi antarabangsa merupakan salah satu agenda kita untuk 2018. Pihak PBS telah menandatangani kolaborasi yang menfokuskan kepada exchange of knowledge and skills yang bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kepada staff-staff yang berkaitan dengan bidang yang ditawarkan. Agenda kita yang pertama merupakan menerima beberapa pelajar Thailand ke PBS dalam bidang Penyenggaraan Pesawat dan Aviation

English. Usaha kolaborasi ini akan diketuai oleh En. Ahmad Hisham Bin Ahmad dan beliau akan menubuhkan satu team agar program kolaborasi ini dijalankan dengan jayanya. **InshaALLAH.**

KE ARAH PEMBELAJARAN DIGITAL DAN INDUSTRI 4.0

PBS telah melaksanakan langkah-langkah menuju ePembelajaran dan Industri 4.0 dengan penggunaan *Learning Management System, LMS (CIDOS)* di mana peratusan kursus yang mencapai *Blended Learning* adalah melebihi 70%. PBS juga menawarkan kursus secara terbuka menggunakan Massive Open Online Course, MOOC kearah bersaing secara sihat dalam memberi ilmu dan

kemahiran kepada pelajar pada zaman yang semakin berkembang teknologi dan ilmu secara maya. Video-video pembelajaran berjaya dihasilkan oleh para pensyarah dan pelajar serta video-video pelaporan dan semuanya telah dimuat naik di Youtube rasmi PBS untuk rujukan bukan sahaja pelajar-pelajar PBS malahan pelajar seluruh dunia. Tidak ketinggalan, PBS mempunyai bilik kuliah yang berkonsepkan Technology Enabled Collaborative Classroom, membolehkan pelajar belajar dalam kumpulan kecil dengan konsep kolaboratif dan di bekalkan dengan talian internet, paparan multimedia dan perisian pembelajaran yang menarik.

PENUTUP

Kita berharap semua akan memberikan sokongan teguh dalam usaha melaksanakan tugas hebat ini. Selamat tahun baru buat semua.